

BAB 5

PERANAN KOLOKASI DALAM HURAIAN DEFINISI

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan bagaimana kolokasi dapat membezakan makna antara satu perkataan dengan perkataan yang seperangkat dengannya dan peranan penting kolokasi yang dianalisis daripada data korpus berkomputer dalam memerikan makna. Selain itu, bab ini juga akan menunjukkan perbandingan antara makna yang diperikan oleh **Kamus Dewan Edisi Ketiga** (1996) dan makna yang dihasilkan daripada analisis data korpus berkomputer.

5.2 Kolokasi Sebagai Pembeza Makna

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab 4 sebelum ini, berdasar kolokasi, perkataan 'memotong' boleh dipecahkan kepada 22 makna. Daripada 22 makna tersebut, terdapat 15 makna yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan perkataan

lain. Jadual di bawah ini menunjukkan perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama dengan perkataan 'memotong'.

Jadual : 11
Perkataan yang Hampir Sama
dengan Perkataan Memotong

Makna	Perkatan yang Berkolokasi	Perkataan yang Hampir Sama
1	tali, pisau, parang	mengerat, memutuskan
2	tomato, cili, nenas	-
3	kulup, tok mudin, hujung kulit	mengkhatakan menyunat,
4	pelepas, tanduk kambing	-
5	rumput, rambut, kuku	memesin, menggunting, mengetip
6	lembu, kerbau, ayam	menyembelih
7	getah, pisau toreh	menoreh
8	padi, batang padi, penyabit	menuai
9	baju, pakaian	menggunting
10	pokok, kayu, kapak	menebang
11	kenderaan, kereta, bas	memintas
12	elektrik, talian telefon, lampu	memutuskan
13	gaji, elauan, KNK, majikan	-
14	gaji, BSN, caj RM10	-
15	adegan, babak, LPFM	-
16	paragraf, teks, tulisan	-
17	bicara, cakap, syor, Salim	memintas, mencelah, menyampuk
18	bukit, cerun, PLUS	menarah
19	barisan, menunggu giliran, kesalahan	-
20	nama	-
21	peluang	-
22	paksi menegak, keluk, garis	-

Jadual di atas menunjukkan bahawa apabila perkataan 'memotong' berkolokasi dengan perkataan-perkataan tertentu, ia mempunyai maksud yang hampir sama dengan perkataan-perkataan lain. Misalnya, apabila perkataan 'memotong' berkolokasi dengan 'kerbau', 'lembu' dan 'kambing' untuk maksud mendapatkan daging, perkataan 'memotong' ini hampir sama dengan perkataan 'menyembelih'. Walau bagaimanapun, persamaan ini tidaklah sepenuhnya.

Hasil daripada penelitian terhadap perkataan-perkataan yang berkolokasi dengan perkataan 'mengerat', 'memutuskan', 'menghatangkan', 'menyunat', 'memesin', 'menggunting', 'mengetip', 'menyembelih', 'menoreh', 'menuai', 'menebang', 'memintas', 'menarah', 'mencelah' dan 'menyampuk', didapati bahawa perkataan-perkataan itu tidak sama sepenuhnya dengan perkataan 'memotong'. Berdasarkan kolokasi juga terdapat perkataan-perkataan tertentu yang dikongsi bersama oleh perkataan atau entri yang seperangkat dengan

perkataan 'memotong'. Ini menyebabkan, pada ketika itu, perkataan atau entri tersebut mempunyai maksud yang sama. Hasil analisis ditunjukkan di bawah dan perkataan yang hampir sama dengan perkataan yang dianalisis dimuatkan dalam kurungan siku []. Kurungan () pula menunjukkan urutan makna bagi perkataan yang hampir sama dengan perkataan yang diperlukan.

i. mengerat

1. untuk maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian yang lebih kecil apabila berkolokasi dengan *kayu, beluti, pedang, tali pusat*. [memotong (1), memutuskan (1)]
2. untuk maksud menjadikan sesuatu lebih pendek dan kelihatan rapi apabila berkolokasi dengan perkataan *rambut, kuku, rumput*. [memotong (5), menggunting (2), mengetip (1), memesin (1)].
3. untuk maksud mendapatkan hasil padi apabila berkolokasi dengan perkataan *perdu padi, mengetam, buah padi*

menguning, menuai. [memotong (8), menuai (1)].

ii. memutuskan

1. untuk maksud menjadikan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih pendek atau kecil apabila berkolokasi dengan *anggota badan, batang cengal, tali, wayar telefōn.* [memotong (1)]
2. untuk maksud menamatkan atau menghentikan bekalan atau kemudahan apabila berkolokasi dengan *air, elektrik, JBA, Tenaga Nasional, talian, mencatu.* [memotong (12)]
3. untuk maksud menetapkan atau menentukan sesuatu keputusan apabila berkolokasi dengan *persidangan, kata muktamat, 17 Januari, jawapan, mesyuarat.*
4. untuk maksud menamatkan atau menghentikan perhubungan dengan seseorang, sesuatu pihak atau negara apabila berkolokasi dengan *hubungan kekeluargaan, ikatan silaturahim, hubungan diplomatik, pertunangan.*

5. untuk maksud menjatuhkan hukuman ke atas seseorang apabila berkolokasi dengan *mahkamah, hakim, plaintif, kes.*
6. untuk maksud menghentikan khayalan atau lamunan seseorang apabila berkolokasi dengan *benak, suara, lamunan, khayalan.*
7. untuk maksud menghentikan komunikasi di sesuatu tempat apabila berkolokasi dengan *banjir, gempa bumi, jalan hubungan, hubungan telefon.*

iii. mengkhatarkan

1. untuk maksud memotong bahagian-bahagian tertentu bagi menyucikan seseorang apabila berkolokasi dengan perkataan *mudin, doktor, mak bidan, kanak-kanak, bayi.* [memotong (2), menyunat (1)]

vii. menyunat

1. untuk maksud memotong bahagian-bahagian tertentu bagi menyucikan seseorang apabila berkolokasi dengan perkataan *mak bidan, bayi.* [mengkhatarkan (1)]

iv. mengetip

1. untuk maksud menjadikan sesuatu lebih pendek dan kelihatan rapi apabila berkolokasi dengan perkataan *kuku*.
[memotong (5)]
2. untuk maksud apabila serangga menggigit atau menyengat bahagian-bahagian tertentu tubuh badan apabila berkolokasi dengan perkataan *nyamuk, lengan, kaki*.
3. untuk maksud membuat lubang pada sesuatu apabila berkolokasi dengan perkataan *tiket*.

v. menggunting

1. untuk maksud memutus atau memendekkan sesuatu kepada bahagian yang lebih kecil apabila berkolokasi dengan perkataan *riben, sampul surat*. [memotong (1)].
2. untuk maksud menjadikan sesuatu lebih pendek dan kelihatan rapi apabila berkolokasi dengan perkataan *rambut, kuku, bulu, misai*. [memotong (5)]
3. untuk maksud menghasilkan pakaian apabila berkolokasi dengan perkataan

menjahit, seluar, baju, pakaian, fesyen.

[memotong (9)]

4. untuk maksud mengeluarkan bahagian-bahagian tertentu yang mengandungi gambar, iklan dan sebagainya yang terdapat dalam sesuatu halaman, buku, majalah apabila berkolokasi dengan perkataan *gambar, halaman resepi, keratan akhbar.*

vi. memesin

1. untuk maksud menjadikan sesuatu lebih pendek dan kelihatan rapi apabila berkolokasi dengan perkataan *rumput.*
[memotong (5)]
2. untuk maksud memproses sesuatu dengan mesin tertentu apabila berkolokasi dengan perkataan *getah, beras, kacang soya.*

viii. menyembelih

1. untuk maksud mendapatkan daging haiwan apabila berkolokasi dengan perkataan *ayam, haiwan ternakan, kibas, unta.*
[memotong (6)]

2. untuk maksud membunuh haiwan atau manusia apabila berkolokasi dengan perkataan *membunuh, tentera, anak lelaki.*

ix. menoreh

1. untuk maksud mendapatkan susu getah apabila berkolokasi dengan *getah, pisau toreh, ladang, musim tengkujuh.* [memotong (7)]
2. untuk maksud memotong permukaan sesuatu atau kulit apabila berkolokasi dengan perkataan *wajah, perut, ikan, janayah.*

x. menuai

1. untuk maksud memungut hasil tanaman apabila berkolokasi dengan perkataan *padi, musim, pesta, petani, jentera, membanting, bendang, buah sawit, buah jagung, gandum, musim.* [memotong (8), memungut]
2. untuk maksud berjaya memperolehi sesuatu gol kemenangan, apabila berkolokasi dengan *hasil, minit ke-19, mata penuh.*

xi. menebang

1. untuk maksud menumbangkan pokok apabila berkolokasi dengan *pokok, hutan, balak, kapak, kayu*. [memotong (10)]
2. untuk maksud membersihkan kawasan hutan untuk dijadikan tapak pertanian, perkampungan apabila berkolokasi dengan *menebas, tapak permukiman, bakau, membakar hutan, membuka negeri*. [memugar]

xii. memintas

1. untuk maksud seseorang bercakap semasa orang lain sedang bercakap apabila berkolokasi dengan *cakap, kata-kata, soalan, percakapan*. [memotong (17), mencelah, menyampuk]
2. untuk maksud mendahului orang atau kenderaan lain apabila berkolokasi dengan *kereta, berlari, jalan raya*. [memotong (11)]
3. untuk maksud melalui sesuatu kawasan atau jalan untuk mendapatkan jalan yang lebih dekat apabila berkolokasi dengan *jalan dekat, lorong*.

4. untuk maksud menghalang seseorang daripada meneruskan perjalanan apabila berkolokasi dengan *lari, penjenayah, motorsikal, berlari.*
 5. untuk maksud berjaya menghalang pemain atau pasukan lawan dalam sesuatu pertandingan apabila berkolokasi dengan *kedudukan, 3 pelumba, 1-0, hantaran tinggi.*
- xiii. menarah
1. untuk maksud meratakan bahagian atau membuang bahagian tertentu bukit apabila berkolokasi dengan *bukit, penebangan pokok, pemaju, perumahan.* [memotong (18)]
 2. untuk maksud meratakan atau melicinkan permukaan sesuatu apabila berkolokasi dengan *kayu, lantai, dayung perahu, kayu nisan, pepatil, beliung, mengetam, cettar, memahat.*
 3. untuk maksud menjadikan rapi dan pendek apabila berkolokasi dengan *rumput,*

rambut, kepala budak, cangkul. [memotong (5)]

xiv. mencelah

1. untuk maksud seseorang bercakap semasa orang lain sedang bercakap apabila berkolokasi dengan *kataku, Amir, Salmah.* [memotong (17), memintas, menyampuk]
2. untuk maksud berada di antara sesuatu apabila berkolokasi dengan perkataan *kaki, kumpulan orang ramai, kesesakan, kesibukan.*
3. untuk maksud masuk melalui sesuatu apabila berkolokasi dengan perkataan *cahaya matahari, tingkap, jeritan.*
4. untuk maksud mencampuri hal orang lain apabila berkolokasi dengan perkataan *tidak pernah, soalan-soalan itu.* [menyampuk]

xv. menyampuk

1. seseorang bercakap semasa orang lain sedang bercakap apabila berkolokasi dengan *Arfiah, peguam, dia, Mona.* [memotong (17), mencelah]

2. untuk maksud diganggu oleh makhluk halus apabila berkolokasi dengan 'hantu', 'keteguran', 'diganggu', 'polong'.

Daripada analisis di atas, didapati bahawa kolokasi telah membantu penyusun kamus memerikan makna sesuatu kata dengan lebih tepat. Malahan, melalui kolokasi yang diteliti daripada data korpus berkomputer ini, terdapat satu sahaja perkataan atau kata entri yang sama, iaitu perkataan 'mengkhatan' dan 'menyunat'. Tetapi, perkataan-perkataan lain yang seperangkat dengan perkataan 'memotong' agak sukar untuk sama sepenuhnya.

Contohnya perkataan 'memotong' dan perkataan 'memutuskan'. Perkataan 'memotong' yang mengandungi 22 makna, sementara memutuskan mengandungi 7 makna, hanya sama makna kedua-duanya apabila membawa maksud 'menjadikan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil' dan 'untuk menamatkan atau menghentikan sesuatu kemudahan atau bekalan'. Selain dua makna tersebut, kedua-

dua kata ini berbeza. Ini menjelaskan bahawa kolokasi kata yang dikaji daripada data korpus berkomputer membolehkan penyusun kamus membezakan kedua-dua perkataan ini dengan jelas. Malahan, kedua-dua perkataan ini mempunyai bentuk tipikalnya sendiri untuk membezakan maknanya. Benarlah seperti yang dikatakan oleh Palmer (1992 :98), sebenarnya sinonim jati tidak wujud, iaitu dua perkataan yang berbeza tidak mungkin mempunyai makna yang betul-betul sama.

Analisis ini juga menunjukkan bahawa perkataan 'memotong' lebih luas cakupan maknanya berbanding dengan perkataan-perkataan lain yang seperangkat dengannya. Ini diperjelas oleh jadual 12 berikut:

Jadual : 12

Jumlah Makna Perkataan Memotong dan
Perkataan yang Seperangkat

Perkataan	Jumlah Makna
Memotong	22
Mengerat	3
mengkhatan	7
memutuskan	1
Menyunat	1
Menjetip	3
menggunting	4
Memesin	2
menyembelih	2
Menoreh	2
Menuai	3
Menebang	2
Memintas	5
Menarah	3
Mencelah	4
menyampuk	2

Jadual 12 menunjukkan bahawa jumlah makna yang dicakupi oleh perkataan 'memotong' lebih tinggi berbanding dengan perkataan lain yang seperangkat dengannya. Ini diikuti oleh perkataan 'memutuskan', 'memintas' dan 'menggunting' dengan yang paling rendah perkataan 'menghatangkan' dan

'menyunat'. Jadual ini juga menunjukkan bahawa perkataan 'mengkhatarkan' dan 'menyunat' amat sempit cakupan maknanya.

Dari segi cakupan makna, perkataan 'memotong' lebih umum sifatnya berbanding perkataan-perkataan lain. Contohnya, perkataan 'memotong' yang membawa maksud memendekkan atau merapikan sesuatu apabila berkolokasi dengan 'kuku', 'rumput' dan 'rambut'. Daripada analisis, perkataan yang hampir sama untuk maksud ini ialah 'mengetip', 'menarah', dan 'menggunting'. Tetapi perkataan 'mengetip' untuk maksud yang sama dengan perkataan 'memotong' hanya berkolokasi dengan 'kuku', bukan dengan 'rambut' atau 'rumput'. Begitu juga, 'menarah' hanya berkolokasi dengan 'rumput' dan 'rambut' tetapi tidak boleh berkolokasi dengan 'kuku'. 'Menggunting' pula boleh berkolokasi dengan 'rambut' dan 'kuku' tetapi tidak berkolokasi dengan 'rumput'.

Hal ini juga menunjukkan bahawa kolokasi merupakan maklumat yang amat penting dalam

memerikan makna, terutamanya kamus ekabahasa. Ini adalah kerana kolokasi dapat menunjukkan bahawa perkataan yang berbeza mempunyai persekitaran linguistik yang berbeza. Oleh itu, walaupun sesuatu perkataan hampir sama dengan perkataan lain, tetapi persekitaran linguistiknya masih berbeza.

*

5.3 Perbandingan Makna dengan Kamus Dewan Edisi Ketiga (KD3)

Berdasarkan perbandingan makna (lampiran 3) antara perkataan yang diperlukan berdasarkan amalan pendefinisan **COBUILD (APC)** dengan makna yang terdapat dalam **KD3**, didapati wujudnya persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Perbandingan dilihat dari segi amalan pendefinisan dan makna yang diperikan.

5.3.1 Amalan Pendefinisian

Berdasarkan pemerhatian terhadap amalan pendefinisian **KD3**, khususnya bagi kata entri *memotong* dan kata yang seperangkat dengannya, didapati amalan yang terdapat di dalam **KD3** berbeza sedikit dengan **APC**. Secara umumnya, perbezaan amalan pendefinisian hanyalah melibatkan kepanjangan pada bahagian makna, maklumat yang terdapat dalam bahagian definisi dan jumlah pendekatan yang digunakan untuk mentakrif sesuatu kata. Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh makna bagi perkataan *memotong* yang menunjukkan perbandingan amalan pendefinisian **KD3** dengan **APC**.

Jadual : 13
Perbandingan Amalan Pendefinisian

APC	KD3
<p>1. Apabila kita memotong sesuatu, kita membahagikannya atau memutuskannya menjadi bahagian-bahagian yang lebih kecil atau pendek dengan menggunakan alat yang tajam seperti pisau, gunting atau parang.</p> <p>2. Jika seseorang memotong pokok, dia mengerat bahagian pangkal batang pokok tersebut dengan alat yang tajam seperti kapak atau gergaji supaya pokok itu tumbang.</p> <p>3. Jika seseorang memotong haiwan seperti lembu, kerbau, ayam atau itik, dia mengerat leher haiwan tersebut dengan menggunakan pisau untuk mematikannya bagi tujuan mendapatkan daging haiwan tersebut.</p>	<p>1. memutuskan sesuatu dengan pisau (gergaji dll), memenggal, mengerat</p> <p>2. menebang (kayu, pokok dll)</p> <p>3. menyembelih (binatang dll)</p>

Daripada contoh di atas, didapati bentuk pendefinisan yang diamalkan oleh **KD3** adalah lebih ringkas dan padat berbanding dengan **COBUILD**. Bentuk ringkas dan padat ini amat dipentingkan dalam mentakrif sesuatu kata entri kerana bentuk ini merupakan salah satu ciri kesempurnaan takrif

bagi **KD**, khususnya **KD3** (2.4.5). Contohnya kata entri *memotong*. Dalam bahagian definisi, **KD3** tidak menghuraikan setiap makna, tetapi **KD3** memberikan perkataan yang seerti dengan perkataan *memotong* seperti *menebang* dan *menyembelih*.

Tetapi, bagi **APC**, bentuk huraian maknanya adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan **KD3**. Ini adalah kerana setiap makna diberikan huraian dalam bentuk ayat yang lengkap. Walaupun sesuatu makna itu mempunyai kata yang seerti dengan kata entri, tetapi kata seerti ini tidak dimuatkan di bahagian huraian makna. Tambahan pula, pelaku, objek yang dipotong dan alat yang digunakan untuk memotong turut dimuatkan dalam bahagian huraian makna.

Bagi membezakan atau menjelaskan sesuatu makna pula, **KD3** memuatkan maklumat tambahan di dalam kurungan di akhir setiap makna. Misalnya, perkataan *memotong* yang membawa maksud *menebang*, maka maklumat yang dimuatkan di dalam kurungan ialah *kayu* dan *pokok*. *Kayu* dan *pokok* ini merupakan

kata yang berkolokasi dengan perkataan *memotong* untuk maksud *menebang*. Begitu juga dengan makna-makna yang lain. Justeru maklumat yang terdapat di dalam kurungan ini membantu pengguna memahami sesuatu makna dengan lebih jelas. Bagaimanapun, didapati maklumat yang dimuatkan mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Bagi makna 2 hingga 14 (Lampiran 3) bagi kata entri *memotong*, maklumat yang dimuatkan ialah sesuatu benda atau perkara yang dipotong, tetapi bagi makna 1, maklumat yang dimuatkan ialah contoh alat yang digunakan untuk memotong sesuatu, iaitu *gergaji*. Ini menunjukkan bahawa maklumat yang dikandung oleh sesuatu kurungan tidaklah tekal. Kurungan bukan sekadar memuatkan maklumat tentang objek yang menjadi penyambut bagi kata kerja transitif (seperti dalam kes perkataan *memotong*), tetapi maklumat seperti sebutan, sinonim, hiponim dan pelbagai maklumat lain turut dimuatkan bergantung kepada kata entri yang ditakrif. Penggunaan kurungan ini bertujuan untuk menjimatkan ruang.

Bagi **APC** pula, tiada kurungan yang diperlukan bagi memuatkan maklumat tambahan. Ini adalah kerana huraiyan makna yang diberikan telah memasukkan semua maklumat yang diinginkan oleh pengguna kamus.

Selain itu, **KD3** juga sering merangkaikan kata entri dengan perkataan lain bagi menunjukkan bahawa kata yang dirangkaikan itu mempunyai makna tertentu. Misalnya bagi entri *mengerat*, makna yang diperikan bagi perkataan yang dirangkaikan adalah seperti yang berikut:

...~¹ batang padi; ~ kepala, ~ leher
memenggal kepala; ~ lidah menyampuk
atau menyelangi perkataan (percakapan)
orang;

Berdasarkan contoh di atas, apabila perkataaan *mengerat* (~) dirangkaikan dengan perkataan *lidah*, kata entri ini membawa maksud *menyampuk* atau *menyelangi perkataan* atau *percakapan orang* yang berbeza dengan makna *mengerat* yang lain.

¹ Tanda tilde (~) menunjukkan kata yang ditakrifkan.

Dalam kajian ini, tidak ada kata entri yang dirangkaikan dengan perkataan lain untuk membawa maksud tertentu dalam **APC**.

Sementara itu, berdasarkan jumlah pendekatan yang digunakan untuk mentakrifkan sesuatu kata, didapati **KD3** seringkali mencampurkan beberapa pendekatan yang dirasakan sesuai untuk mentakrif sesuatu kata. Misalnya, bagi mentakrif kata entri *memotong* atau kata yang seperangkat dengannya, selain memasukkan padanan kata yang sama atau hampir sama dengan kata entri atau merangkaikan kata entri dengan perkataan-perkataan tertentu, **KD3** turut menggunakan pendekatan huraian makna. Daripada Jadual 12 itu, makna (1) menghuraikan perkataan *memotong* sebagai *memutuskan sesuatu dengan pisau atau gergaji*.

Bagaimanapun, bentuk ini tidak banyak digunakan dalam kata entri yang dikaji. Bagi entri *memotong*, misalnya, hanya satu sahaja bentuk huraian makna yang ditemui. Begitu juga bagi kata entri *mengetip*, *menggunting*, *memesin*, *menyembelih*,

menoreh, menuai, menebang, memintas, menarah dan mencelah tidak banyak bentuk huraihan makna yang digunakan dalam bahagian definisi. **KD3** juga memberikan beberapa sinonim bagi sesuatu makna. Misalnya, bagi maksud *memutuskan* sesuatu dengan *pisau*, **KD3** telah memberikan sinonimnya, iaitu *memenggal* dan *mengerat* dan *memangkas* untuk maksud *menggunting rambut*.

Ini agak berbeza dengan makna yang diperikan berdasarkan **APC**, kerana hanya satu bentuk pendefinisian sahaja yang digunakan, iaitu bentuk huraihan makna. Oleh itu, setiap kata dihuraikan maknanya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

5.3.2 Perbandingan Makna

Mengenai perbandingan antara makna yang diperikan daripada **APC** dengan **KD3**, didapati setiap entri mempunyai persamaan sekurang-kurangnya satu makna. Secara umumnya, makna yang diperikan

berdasarkan dapatan daripada **APC** menunjukkan bahawa jumlah makna yang terhasil lebih tinggi daripada makna yang terdapat dalam **KD3**. Ini ditunjukkan oleh jadual 13 berikut:

Jadual : 14
Perbandingan Jumlah Makna

Perkataan	DKB	KD3	Makna yang sama atau hampir sama
1. memotong	22	14	11
2. mengerat	3	2	1
3. memutuskan	7	4	4
4. mengkhatakan	1	1	1
5. menyunat	1	1	1
6. mengetip	3	3	2
7. menggunting	4	2	1
8. memesin	2	1	1
9. menyembelih	2	1	1
10. menoreh	2	2	2
11. menuai	2	1	1
12. menebang	2	2	2
13. memintas	5	6	4
14. menarah	3	1	1
15. mencelah	4	2	2
16. menyampuk	2	4	2

Jadual di sebelah menunjukkan bahawa daripada 16 kata entri yang diteliti, didapati jumlah makna yang diperikan melalui penganalisisan data korpus berkomputer lebih tinggi berbanding **KD3**. Sebanyak 9 kata entri DKB yang mempunyai makna yang lebih tinggi daripada **KD3**, 2 kata entri yang kurang daripada **KD3** dan 5 kata entri yang sama jumlahnya maknanya dengan **KD3**.

Ini adalah kerana korpus berkomputer yang diteliti mempunyai saiz yang jauh lebih besar daripada kad bahan yang dijadikan landasan oleh **KD3** untuk memeriksa sesuatu kata. Saiz korpus amat mempengaruhi makna yang ditakrifkan kerana saiz yang besar membolehkan penyusun mengesan lebih banyak kolokasi yang wujud bersama-sama kata yang hendak ditakrifkan. Seperti yang dikatakan sebelum ini, kolokasi kata mampu membezakan makna sesuatu kata dengan jelas. Oleh itu, melalui saiz korpus yang besar ini dapat ditemui persekitaran linguistik yang berbeza-beza. Walaupun makna yang hendak diperi tidak dinyatakan dalam kamus-kamus sebelumnya atau intuisi seseorang penyusun tidak

mengetahui maklumat tersebut, tetapi dengan adanya maklumat yang diperoleh daripada data korpus, maka makna tersebut dapat diperikan.

Huraian makna yang dihasilkan oleh **APC** lebih khusus sifatnya berbanding dengan **KD3**. Ini adalah kerana daripada data korpus yang diteliti, bentuk tipikal sesuatu kata dapat dikesan dengan mudah. Contohnya perkataan 'menarah'. Dalam **KD3** 'menarah' membawa maksud 'meratakan atau melicinkan kayu, batu, tanah dll dengan rimbas'. Tetapi, berdasarkan **APC**, terdapat tiga makna yang diperikan, iaitu 'untuk maksud meratakan atau membuang bahagian tertentu', 'untuk maksud meratakan atau melicinkan permukaan sesuatu' dan untuk maksud menjadikan rapi atau pendek'. Ini menunjukkan bahawa dengan menggunakan korpus berkomputer, pemerian makna berdasarkan **APC** membolehkan bentuk-bentuk tipikal dan makna-makna sesuatu kata dipisah-pisahkan.

Bagaimanapun, terdapat juga makna yang diperikan di dalam **KD3** yang tidak ditakrif dalam

APC. Misalnya perkataan 'mengetip'. Makna kedua, iaitu 'mencubit (tidak kuat-kuat)' tidak terdapat dalam **APC**. Begitu juga bagi makna yang jumlahnya lebih banyak dalam **KD3** berbanding **APC**. Makna tersebut tidak dimuatkan dalam pemerian makna **APC**. Ini adalah kerana maklumat tentang makna perkataan tersebut tidak terdapat dalam korpus yang dianalisis. Makna seperti ini berkemungkinan berasal dari bahasa asing seperti Indonesia, dialek atau maksud tersebut tidak digunakan lagi pada masa ini. Contohnya perkataan 'menyampuk'. Terdapat dua makna yang tidak dimuatkan dalam **APC**, iaitu 'melanggar sesuatu (ketika berjalan)' dan menangkis atau menepis (pukulan dll)'. Namun, bentuk ini amat sedikit dalam kajian ini.

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan data korpus yang dikaji, didapati perkataan *memotong* dan perkataan yang seperangkat dengannya dapat dibezakan dengan jelas antara satu dengan lain. Hal ini dilakukan dengan

melihat kolokasi dan persekitaran linguistik kata tersebut.

Malahan, data korpus berkomputer yang bersaiz besar juga amat penting dalam penghasilan kamus kerana fenomena bahasa mampu dicerap daripadanya. Justeru perbandingan yang ditunjukkan antara makna yang diperikan berdasarkan **APC** dan **KD3** mempunyai perbezaan yang agak ketara kerana **APC** dapat menunjukkan dengan tepat, bentuk-bentuk tipikal sesuatu kata dan pecahan makna yang lebih banyak berbanding **KD3**. **KD3** hanya memuatkan sedikit sahaja maklumat tentang bentuk tipikal dan kolokasi kata. Biasanya maklumat-maklumat ini dimuatkan di dalam ruang yang terhad, iaitu dalam kurungan. Cara ini tidak dapat dielakkan kerana semasa penghasilan **KD3**, data korpus yang dirujuk dalam bentuk kad bahan adalah terhad.